

Bil hospital warga asing RM12.8 juta

- Hutang rawatan perubatan pendatang warga Indonesia paling tinggi
- Lebih 100 bayi warga asing ditinggal di HTAR Klang setahun

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hutang bil rawatan perubatan warga asing terutama dari Indonesia di hospital kerajaan meningkat hampir sekali ganda kepada RM12.8 juta tahun lalu berbanding RM6.7 juta pada 2000.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican, berkata hutang bil rawatan warga asing itu meningkat setiap tahun yang kebanyakannya untuk mendapatkan rawatan bersalin (27 peratus), kemalangan (12 peratus), pembedahan ortopedik (sembilan peratus) dan selebihnya perkhidmatan pesakit luar.

**Pendatang asing
sengaja enggan
jelas bayaran**

Walaupun pelbagai cara digunakan untuk mengutip semula bayaran tertunggak itu termasuk menghubungi kedutaan warga asing berkenaan dan majikan mereka, namun semua usaha itu gagal.

“Daripada jumlah keseluruhan hutang, 47 peratus membabitkan warga Indonesia, masing-masing 17 peratus membabitkan warga India dan Filipina manakala bakinya pula Myanmar, Bangladesh, Vietnam dan Thailand,” katanya kepada *Berita Minggu*.

Beliau berkata, kebanyakan pesakit warga asing itu memang sengaja enggan menjelaskan bayaran rawatan dengan memberikan alamat palsu dan lari dari hospital selain majikan enggan bertanggungjawab.

Dr Ismail berkata, hospital kerajaan menjadi tumpuan warga asing mendapatkan rawatan kesihatan dan jumlah itu meningkat sejak tiga tahun lalu dipercayai kerana kemasukan warga asing secara haram.

Daripada 36 juta yang mendapatkan rawatan termasuk bagi perkhidmatan pesakit luar pada 2006, seramai 437,617 adalah warga asing manakala tahun 2007, daripada 38 juta, 483,751 adalah warga asing.

Jumlah itu meningkat 1.3 peratus tahun lalu kepada 525,087 daripada keseluruhan 40 juta kedatangan pesakit ke hospital kerajaan.

“Sebelum ini, kementerian pernah merujuk kepada kedutaan warga asing berkenaan berkaitan hutang dan kos perubatan warga negara mereka, tetapi tiada maklum balas diterima,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Hospital Tuanku Ampuan Rahimah Klang (HTAR), Dr Ghazali Hasni Hassan, berkata sebahagian warga asing bukan saja tidak membayar bil rawatan selepas melahirkan anak, malah meninggalkan anak yang dipercayai hasil hubungan tidak sah di hospital berkenaan.

Beliau berkata, setiap tahun lebih 100 bayi warga asing ditinggalkan di HTAR dan anak ini diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk proses pengambilan anak angkat.

Beliau berkata, kebanyakan kes tinggal bayi ini mem-

babitkan wanita Indonesia dan usaha mengesan mereka tidak berjaya kerana 50 peratus daripadanya menggunakan alamat palsu, selain alamat rumah kongsi.

“Ada juga menggunakan alamat orang lain kerana meminjam kad pengenalan warga Indonesia yang sudah lama menetap di sini. Ia menyebabkan ada kes seorang wanita dikesan melahirkan anak dua kali sebulan,” katanya.

Katanya, penipuan kad pengenalan boleh menyumbang kepada komplikasi waktu bersalin terutama jika berlaku kes kecemasan seperti tumpah darah.

Dr Ghazali berkata, rawatan bersalin adalah antara perkhidmatan paling kerap digunakan warga asing di hospital kerajaan. Di HTAR saja, hampir 99 peratus wanita asing yang bersalin adalah warga Indonesia.

Katanya, walaupun hospital kerajaan mengenakan syarat pembayaran deposit sebelum mendapatkan perkhidmatan kesihatan, atas dasar kemanusiaan hospital membenarkan pesakit dirawat terlebih dulu.

Warga asing berhutang sebanyak RM3.36 juta sejak 1995. Kebanyakan bayaran itu membabitkan bayaran perubatan untuk bersalin, selain penyakit berjangkit, kemalangan dan ortopedik.

Katanya, jika setiap pekerja asing yang masuk ke Malaysia diwajibkan mempunyai insurans kesihatan, masalah hutang tertunggak boleh diselesaikan.

HTAR adalah sebuah daripada 120 hospital kerajaan di seluruh negara yang berhadapan dengan masalah bayaran perubatan tertunggak.

“Sebelum ini kementerian pernah merujuk kepada kedutaan warga asing berkenaan berkaitan hutang dan kos perubatan warga negara mereka, tetapi tiada maklum balas diterima”

Dr Ismail Merican
Ketua Pengarah Kesihatan